

EFFICACY TO USE LITERATURE ELEMENT (KOMSAS) AND i-THINK AS THE TEACHING COMPETENCE FOR BAHASA MELAYU TEACHERS

KEUPAYAAN MENGGUNAKAN KOMSAS DAN i-THINK SEBAGAI KOMPETENSI PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU

Rozani Binti Ahmad¹

¹Universiti Malaysia Sabah
Email: dt1321022t@student.ums.edu.my
Contact number: +6013-8845205

Accepted date: 12 September 2017

Published date: 17 October 2017

To cite this document:

Ahmad, R. (2017). Keupayaan Menggunakan Komsas Dan I-Think Sebagai Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu . *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 2(5), 231-248.

Abstrak: Kajian mengenal pasti keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think iaitu penguasaan kemahiran guru terhadap bahan sastera dan pendekatan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Implikasi kajian terhadap dasar pendidikan memberi penekanan terhadap keperluan guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Selain, memberi implikasi terhadap perubahan corak pengajaran guru yang lebih berkesan, berpusat pelajar, menarik dan menekankan kemahiran berfikir. Kajian menggunakan teknik rawak bertujuan dan rawak mudah bagi mengumpul data guru Bahasa Melayu sekolah menengah seluruh Sabah. Jumlah sampel kajian adalah seramai 337 responden berdasarkan Jadual Persampelan Krejcie & Morgan. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai Cronbach Alpha bagi kesahan instrumen yang diperolehi bagi setiap pemboleh ubah adalah masing-masing, .965, .973 dan .951. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 21.0 serta SEM PLS. Keputusan kajian menunjukkan tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think serta tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Malah terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Keputusan kajian juga menunjukkan hanya KOMSAS yang memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Kata Kunci: Keupayaan, Kompetensi Pengajaran, Komsas dan i-Think

Abstract: The purpose of study is to identify the efficacy to apply literature element (KOMSAS) and i-Think which is the mastery of teacher skills using literature and approach in teaching Bahasa Melayu. The implication of the study on education policy emphasizes the need for teachers in teaching Bahasa Melayu. In addition, it implies the change of teacher's effective teaching pattern, student-centered, interesting and emphasized thinking skills. The

study uses random and purposeful random techniques for collect data to secondary school Bahasa Melayu teachers in Sabah. The total sample of the study was 337 respondents based on Krejcie & Morgan sampling schedule. This study uses questionnaire as a research instrument. Based on pilot study conducted on 130 respondents, the value of Cronbach Alpha for the validity of the instruments obtained for each variable is respectively .965 and .951. Data were analyzed using SPSS version 21.0 and SEM PLS. The results of the study show that the level of teacher's efficacy to use literature element (KOMSAS) and i-Think as well as the level of teaching competence of Bahasa Melayu teachers is at high level. In fact, there is a significant relationship between the efficacy to use literature element (KOMSAS) and i-Think with teaching competence for Bahasa Melayu teachers. However, the results of the study show that only the efficacy to use literature element (KOMSAS) affects the teaching competence of Bahasa Melayu teachers.

Keywords: *Efficacy, Teaching Competency, Literature Element (KOMSAS) and i-Think*

Pengenalan

Kandungan Bab 5, Guru dan Pemimpin Sekolah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menggariskan bahawa kualiti guru merupakan penentu di peringkat sekolah yang paling penting bagi keberhasilan murid (KPM, 2013). KPM (2013), dalam pelan tindakan pihak kementerian untuk mentransformasi profesion keguruan menyediakan satu instrumen yang menyatakan dengan jelas kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru. Kompetensi guru tersebut merentas empat dimensi, yang salah satunya ialah dimensi pengajaran dan pembelajaran. Dalam instrumen penilaian guru yang baharu itu mencadangkan agar hampir 60% daripada skor penilaian ialah berdasarkan keberkesanan pengajaran guru. Keberkesanan pengajaran merujuk kepada pengajaran berkualiti iaitu guru yang mampu merancang dan menyampaikan kandungan pelajaran di samping dapat mentaksir pengajarannya secara berterusan, malah, berupaya mengurus bilik darjah supaya bukan sahaja dapat melahirkan pelajar cemerlang mata pelajaran, tetapi juga cemerlang sahsiah.

Justeru, pengajaran berkualiti guru Bahasa Melayu berkait rapat dengan keupayaan guru menggunakan bahan dan pendekatan pengajaran yang sesuai. Misalnya, keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think dalam pengajaran Bahasa Melayu akan lebih memudahkan guru merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran dengan lebih efektif. Pengajaran yang dirancang, dilaksana dan ditaksir secara efektif membolehkan guru lebih menggalakkan pembelajaran aktif, pemikiran kreatif dan motivasi pelajar. Oleh yang demikian, guru secara langsung dilihat dapat meningkatkan kompetensi kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Kompetensi kemahiran pengajaran dan pembelajaran ini disebut sebagai kompetensi pengajaran dalam kajian ini. Bahan KOMSAS yang meliputi pelbagai genre, aspek sastera, seni bahasa dan unsur penceritaan adalah antara elemen kepada mengembangkan keupayaan guru menyampaikan kandungan pelajaran Bahasa Melayu secara lebih efektif. Dalam hal ini, Agustin (2012) menyatakan bahawa inisiatif guru menggunakan KOMSAS dalam pengajaran ialah kunci kepada pembangunan kompetensi pengajaran guru untuk mengajar kemahiran bahasa dan berbahasa murid. Malah, Abu Bakar Nordin (2013) menyifatkan i-Think sebagai kekuatan transformasi pengajaran kemahiran berfikir yang dapat meningkatkan kompetensi pengajaran guru kepada mempermudah dan merealisasikan objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.

Penyataan masalah

Kompetensi pengajaran guru dilihat amat penting kepada peningkatan pencapaian Bahasa Melayu pelajar. Walau bagaimanapun, didapati masih belum ramai guru Bahasa Melayu yang berkompentensi dalam pengajaran. Hal ini dibuktikan oleh kajian Hassan Baseri (2012), bahawa masih ramai guru yang gagal menilai pelaksanaan rancangan pengajaran dan keberkesanan pengajarannya. Begitu juga kajian oleh Zamri Mahamod *et al.* (2012), menunjukkan bahawa pengajaran penulisan didapati agak statik dan tidak menyeronokkan. Masalah kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu ini dikaitkan dengan isu penilaian Standard Guru Malaysia dalam standard tiga tentang kemahiran mengajar guru. Isu penilaian Standard Guru Malaysia ini, mengambil kira masalah pengajaran guru Bahasa Melayu yang telah dikenal pasti iaitu dari aspek strategi pengajaran guru kepada penglibatan aktif pelajar, keperluan penerapan kemahiran berfikir dan pengurusan bilik darjah. Masalah pengajaran tersebut ada hubungan dengan ketidakupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Dalam membantu guru membentuk strategi pengajaran berkesan, guru memerlukan bahan dan pendekatan seperti KOMSAS dan i-Think. Perkara ini ada kaitan dengan kajian oleh Abdul Rasid Jamian *et al.*, (2012), bahawa KOMSAS dapat memberi impak kepada percambahan idea dan memotivasi pelajar dalam penulisan karangan sehingga guru disaran untuk mempelbagaikan bahan pengajaran seperti KOMSAS bagi menarik minat dan menjana idea kreatif pelajar. Strategi pengajaran adalah penting dalam sesuatu perancangan, pelaksanaan dan pentaksiran pengajaran di bilik darjah. Justeru, wajar kajian melihat keupayaan guru menggunakan KOMSAS tersebut sebagai bahan pengajaran. Malah, Yahya dan Azmey (2012) dalam kajian mereka membuktikan bahawa dengan kepelbagaian strategi pengajaran seperti menggunakan pendekatan i-Think, telah meningkatkan pencapaian murid dan dapat menarik minat belajar pelajar. Namun, kajian oleh Muliana Tanah (2011) menunjukkan bahawa guru lebih cenderung memilih pendekatan pengajaran berpusatkan guru. Kajian Rozita Radhiah *et al.* (2012), juga mendapati bahawa guru cemerlang Bahasa Melayu masih kekal dengan amalan pengajaran tradisional. Amalan pengajaran ini lebih berpusatkan guru dengan cara syarahan dan hanya menyampaikan ilmu semata-mata.

Selain itu, kajian oleh Abdul Rasid Jamian (2010), menunjukkan bahawa hanya 30% sahaja guru yang mampu mempelbagaikan pola interaksi semasa pengajaran di bilik darjah. Dapatan kajian Abdul Rasid Jamian (2016), menunjukkan bahawa pengajaran guru Bahasa Melayu masih agak membosankan dan tidak menyeronokkan pelajar. Selain itu, Sharifah Nor *et al.* (2012), turut menjelaskan bahawa cabaran paling besar dalam menangani masalah berkenaan keberkesanan pengajaran Bahasa Melayu adalah untuk memastikan semua guru menggunakan amalan yang mampu merangsang kemahiran berfikir secara berkesan dalam pengajaran seharian. Tengku Fairus (2015) juga menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah masih di aras rendah iaitu kurang dan tidak menyokong penguasaan kemahiran berfikir pelajar. Justeru, keupayaan guru menggunakan Komsas dan i-Think perlu dipertimbangkan kerana penting kepada membangunkan pembelajaran aktif pelajar.

Isu penilaian Standard Guru Malaysia dengan masalah yang dikenal pasti terhadap kemahiran merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran guru Bahasa Melayu telah memberi kesan buruk kepada pencapaian Bahasa Melayu SPM di Sabah. Keputusan pencapaian Bahasa Melayu di Sabah menunjukkan kadar penurunan hampir setiap tahun, iaitu 95.02% pada tahun 2010 dan menurun sepanjang 5 tahun berikutnya kepada 94.01% pada tahun 2015.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think dalam pengajaran Bahasa Melayu.
- ii. Mengenal pasti tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru.
- iv. Mengenal pasti pengaruh antara keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap kompetensi pengajaran guru.
- v. Membina Model Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu.

Hipotesis kajian

Berikut adalah hipotesis kajian yang dibina dalam kajian ini, iaitu:

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru.
- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru.
- Ho3 Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap kompetensi pengajaran guru.

Sorotan Karya

Keupayaan menggunakan KOMSAS

KOMSAS menyediakan beberapa konteks yang kaya dengan item leksikal atau sintaksis yang lebih berkesan kepada individu. Ishak Ramly (2005), telah menjelaskan bahawa salah satu bahan pengajaran guru adalah yang terdiri daripada bahan pengajaran bukan elektronik. Menurut beliau lagi, sebagai bahan pengajaran, KOMSAS harus dapat membolehkan guru merancang dan membina reka bentuk persembahan pengajaran. Zuraini Jusoh *et al.* (2013), amat menekankan keperluan naratif atau bercerita dalam pengajaran guru Bahasa Melayu. Hal ini kerana, aktiviti pengajaran dengan bercerita mampu mewujudkan hubungan dan interaksi guru dengan murid. Murid lebih selesa bersoal jawab dengan guru dan melakukan perbincangan. Walau bagaimanapun, kajian Sri Muniati (2011), mendapati bahawa pengajaran dengan hanya membaca buku ulasan Komsas menyebabkan pengajaran Bahasa Melayu lebih dimonopoli oleh guru semata-mata. Van (2009), penglibatan murid dalam sesi pembelajaran dan pemudah cara adalah berdasarkan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam bilik darjah. Murat (2005), berdasarkan kajiannya mendapati bahawa dalam meningkatkan kecerdasan verbal atau linguistik murid, guru bahasa menggunakan KOMSAS yang dapat berfungsi mewujudkan pengajaran bermotivasi dan menyeronokkan. Tuntasnya, guru dilihat lebih berkompentensi merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran Bahasa Melayu yang lebih baik.

Berkenaan pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam subjek Bahasa Melayu, menurut Rajendran (2008), aktiviti pengajaran seperti bacaan melalui KOMSAS ialah bahan terbaik untuk meningkatkan KBAT pelajar. Dapatan kajian Ghosn (2002) dan Van (2009), membuktikan bahawa KOMSAS ialah medium terbaik guru untuk meningkatkan penguasaan kemahiran mengajar kemahiran berfikir kritikal dalam pengajaran bahasa. Kenyataan ini bertepatan dengan dapatan kajian Soheil Rahimi (2014), bahawa guru lebih berinspirasi bagi

membuat keputusan untuk dirinya sendiri serta menetapkan matlamat pembelajaran dan pemudah cara mereka. Malah, bahan sastera untuk membantu guru lebih yakin memberikan contoh dan perbincangan tentang bahan linguistik. Maka, penguasaan kemahiran guru menggunakan KOMSAS telah mengembangkan kompetensi pengajaran guru menyampaikan pengajaran kemahiran bahasa seperti nahu, tata bahasa, morfologi, sintaksis dan semantik Bahasa Melayu. Maka, tidak hairanlah apabila kajian Cevdet (2012) menunjukkan bahawa 90% guru pelatih dapat menyediakan aktiviti-aktiviti berpusatkan murid dan menyeronokkan. Malah, dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa pengajaran menggunakan bahan sastera dalam subjek bahasa boleh menggalakkan motivasi murid untuk membina kemahiran bahasa dan berbahasa.

Selain itu, berkenaan pentaksiran pengajaran dengan menggunakan KOMSAS, menjadikan penilaian guru terhadap pencapaian pelajar lebih pelbagai dan berinovasi. Bahan drama misalnya, menurut Suzie (2012), telah dapat membantu guru mempelbagaikan bentuk penilaian. Kandungan bahan drama membolehkan guru tidak terikat kepada menyoal semata-mata, tetapi guru boleh melaksanakan penilaian sumatif melalui pendekatan bersepadu. Justeru, keupayaan guru menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran akan dapat menjanjikan tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa sebenar (Khatib *et al.*, 2011). Selain itu, Abdul Rasid Jamian *et al.* (2011), mendapati bahawa KOMSAS membantu guru mencapai objektif pengajaran penulisan karangan dan mencadangkan agar guru mengambil inisiatif dan kreativiti mempelbagaikan bahan pengajaran seperti KOMSAS bagi menarik minat dan menjana idea kreativiti murid. Jelasnya, KOMSAS ialah bahan pengajaran yang menyokong sepenuhnya kompetensi guru merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran Bahasa Melayu dalam bilik darjah. Pengkaji dalam hal ini, menitikberatkan penguasaan kemahiran guru terhadap penggunaan KOMSAS sebagai bahan pengajaran subjek Bahasa Melayu. Keupayaan guru tersebut, dapat menjadikan pengajaran dalam bilik darjah lebih menyeronokkan, bersifat dua hala dan meningkatkan kemahiran berfikir murid.

Keupayaan Menggunakan i-Think

Perbincangan seterusnya adalah berkaitan variabel keupayaan guru menggunakan i-Think dalam pengajaran. Keupayaan guru menggunakan i-Think, menunjukkan keupayaan guru menggalakkan minat belajar pelajar, pengajaran berpusat pelajar, penerapan kemahiran berfikir dan penyediaan bahan pengajaran. Chemot (2009) dan Schmoker (2011), menekankan amalan guru terhadap pengajaran iaitu guru harus menetapkan objektif pengajaran, menunjukkan amalan berpandu dan berterusan membuat penilaian. Hal ini kerana, amalan guru tersebut dilihat mempunyai hubungan dengan maksud peta pemikiran sebagai pendekatan pengajaran menggunakan alat visual dan membentuk pedagogi baharu.

Pengajaran guru lebih bervariasi dan dapat mengelak perasaan jemu pelajar serta meningkatkan kemahiran berfikir mereka. Muhd Sidek *et al.* (2013), merumuskan dapatan kajian beliau bahawa, dengan keupayaan meningkatkan kemahiran berfikir pelajar dan pensyarah, bermakna alat berfikir i-Think ini telah mengambil alih fungsi pengajaran guru yang sebelum ini dilihat berada pada tahap rendah. Kenyataan ini menyokong dapatan kajian Baiziela Sapongi (2009), bahawa dengan peta pemikiran, guru dapat meningkatkan amalan sendiri dalam proses melaksanakan tindakan dan meningkatkan profesion mereka terutama mengurus pengajaran di dalam bilik darjah. Justeru, tidak hairanlah apabila Rohaida Yusop *et al.* (2015), menjelaskan dalam kajiannya bahawa faktor utama kepada keberkesanan pengajaran Bahasa Melayu untuk memastikan penguasaan pelajar adalah dengan menggunakan peta i-Think.

Oleh sebab itu, menggunakan alat berfikir i-Think merupakan pendekatan pengajaran guru dalam fasa pemetaan idea pelajar kepada bentuk visual yang disebut sebagai bahasa visual. Hal ini, dibuktikan menerusi kajian Yahya *et al.* (2012), bahawa dengan mengaplikasi pelbagai strategi pengajaran seperti pendekatan menggunakan i-Think, didapati guru dapat meningkatkan pencapaian murid dan menarik minat belajar pelajar. Begitu juga kajian oleh M. Sidek *et al.* (2012), mendapati bahawa dengan amalan pengajaran guru menggunakan peta i-Think, guru berupaya mengubah tingkah laku murid kepada lebih positif dan tekun belajar, walaupun hanya dipraktikkan dalam masa yang singkat. Pengajaran guru menggunakan i-Think juga akan menerapkan pelbagai teknik dan model pembelajaran koperatif bagi membolehkan berlaku hubungan kolaborasi semasa pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Estrella (2011), dalam kajiannya mendapati bahawa peta pemikiran menyokong kepada pengajaran berfokus pelajar, menggalakkan interaksi rakan sebaya dan kerja berpasukan. Justeru, selain berjaya menyampaikan maklumat dan menerapkan kandungan pelajaran dalam pengajaran, guru juga cenderung menggalakkan interaksi dua hala sama ada antara guru dan pelajar secara individu, guru dan kumpulan pelajar atau pelajar dengan pelajar dalam kumpulan. Cooks & Sunseri (2014) membuktikan dalam kajiannya bahawa, dengan menggunakan i-Think, telah membolehkan guru berjaya menyampaikan arahan, keperluan dan bertindak balas dengan maklum balas pelajar.

Kajian oleh Lee & Gan (2012), bahawa dengan pendekatan pengajaran menggunakan i-Think, guru telah membantu murid mengorganisasi pemikiran mereka, memudahkan pemahaman mereka dan membantu pelajar membentangkan idea-idea bernas dan baharu. Malah, menurut Rohaida Yusop *et al.* (2015), jika guru Bahasa Melayu menggunakan i-Think ini dengan betul mengikut kesesuaian murid, guru sebenarnya telah cenderung untuk menggalakkan minat murid. Malah, dapatan kajian David (2007) dan Laura (2011), menunjukkan bahawa, dengan menggunakan peta i-Think, telah menyokong pengajaran guru kepada pelaksanaan aktiviti penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Justeru, Kathy dalam Hyerle (2011), iaitu seorang jurulatih pembangunan profesional, beliau mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran dapat menyumbang kepada meningkatkan perancangan dan penyampaian pengajaran guru bagi memudahkan kerja-kerja harian guru. Elemen paling penting yang ditekankan dalam peta pemikiran i-Think ialah lapan peta pemikiran sebagai penguasaan kemahiran guru dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya dalam kajian ini.

Malah, keupayaan menggunakan i-Think memberikan guru penguasaan kemahiran untuk pengajaran bermakna (Waters, 2007). Buckner (2011) mendapati bahawa, manual peta pemikiran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa yang dibinanya, telah membantu guru menyediakan bentuk pengajaran berkualiti. Selain, pengajaran yang akan mencabar dan memberi tumpuan terhadap penglibatan dan pencapaian pelajar dalam menguasai kemahiran bahasa. Melanie (1998), menerusi kesimpulan beliau terhadap dapatan kajiannya, pengajaran dengan menggunakan peta pemikiran, akan membolehkan guru mengajar pelajar lebih rasional ketika menyelesaikan masalah, berkeyakinan dan berjaya menulis esei dengan lebih baik. Oleh sebab itu, Yahya Othman *et al.* (2012), menyarankan agar guru perlu mengaplikasi pendekatan, kaedah dan teknik bagi menarik minat murid untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran. Ringkasnya, jika guru tahu dan mahir akan setiap elemen peta pemikiran ini, mudah bagi mengembangkan kompetensi guru ketika merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran di dalam bilik darjah.

Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian bukan eksperimen dengan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan secara soal selidik ini digunakan pengkaji dalam kajian sebagai alat utama bagi mengumpul data secara kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mengukur ciri-ciri atau pemboleh ubah daripada saiz sampel yang banyak (Mohd Najib, 2003). Kaedah ini lebih praktikal digunakan kerana bilangan sampel kajian adalah besar memandangkan populasi adalah banyak dalam kawasan kajian yang sangat luas. Selain itu, kajian ini juga merupakan kajian korelasi, dan analisis regresi bagi meninjau hubungan dan pengaruh antara keupayaan menggunakan Komsas dan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu dalam bilik darjah.

Populasi dan persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada 2636 orang guru Bahasa Melayu daripada 219 buah sekolah dalam 24 PPD di negeri Sabah. Bagi tujuan kajian ini, seramai 335 orang responden diambil sebagai sampel kajian bagi mewakili 2636 orang dalam populasi tersebut. Penentuan saiz sampel kajian ini adalah mengambil kira Jadual Persampelan Krejcie & Morgan (1970). Pemilihan sampel dilakukan secara teknik rawak mudah bertujuan dan teknik rawak kelompok.

Instrumen kajian

Soal selidik dalam penyelidikan ini digunakan untuk memperoleh data tentang tahap keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Soal selidik seterusnya akan memperolehi data tentang hubungan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Kesahan dan kebolehpercayaan

(a) Instrumen keupayaan menggunakan KOMSAS

Bagi instrumen keupayaan menggunakan Komsas, mewakili item 1 - 23 dalam bahagian A. Instrumen keupayaan menggunakan KOMSAS, diambil dan diubah suai daripada soal selidik yang digunakan oleh Mills (2011) bertajuk *Teachers' Self-Efficacy Beliefs Questionnaire: Literature*. Selepas kajian rintis dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai *alpha Cronbach* yang diperoleh bagi item 1 – 23 tersebut juga tinggi iaitu .960.

(b) Instrumen keupayaan menggunakan i-Think

Bagi instrumen ini, keupayaan menggunakan i-Think mewakili item 24 - 45 dalam bahagian B. Instrumen keupayaan menggunakan i-Think, diambil dan diubah suai daripada soal selidik yang dibangunkan oleh Trigwell *et al.* (2004), iaitu *The Approaches to Teaching Inventory*. Schellhase (2009). Selepas kajian rintis dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai *alpha Cronbach* yang diperoleh bagi item 24-45 tentang keupayaan menggunakan i-Think ialah .954.

(c) Instrumen tahap kompetensi pengajaran guru

Bagi instrumen ini, secara keseluruhannya akan menilai tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu yang mengandungi 32 item iaitu mewakili item 46 - 77 dalam Bahagian C. Instrumen kompetensi pengajaran guru, diambil dan diubah suai daripada soal selidik yang dibangunkan oleh Canbolat (2013) untuk kajian beliau bertajuk *Investigating ELT Instructors' Perceived Competencies Challenges and Sugestions*. Selepas kajian rintis dijalankan ke atas 130 orang responden, nilai *alpha Cronbach* yang diperoleh bagi item 46 - 77 ialah .965.

Dapatan Kajian

Analisis data deskriptif

Dapatan data yang dianalisis secara deskriptif akan diinterpretasi menggunakan jadual min skala lima likert oleh Tschannen-Moran *et al.* (2004).

Tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think

Hasil kajian secara keseluruhan mendapati bahawa kedua-dua variabel kajian, iaitu keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think menunjukkan tahap keupayaan guru yang tinggi. Hal ini kerana, keupayaan guru mempunyai skor min yang tinggi iaitu dalam julat min 3.75 – 3.85. Nilai julat ini merujuk nilai skor min yang diperoleh bagi setiap variabel kajian, seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Keputusan Skor Min bagi Variabel Kajian					
Variabel	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
KOMSAS	337	1.96	5	3.85	.478
i-Think	337	2.91	5	3.75	.433

Berdasarkan Jadual 3.1, secara keseluruhannya, tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah pada julat min yang sama iaitu masing-masing menunjukkan skor min tinggi (3.85 & 3.75). Malah, kesemua variabel kajian ini menunjukkan nilai $SP < 1.0$.

Tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu

Jadual 3.2: Keputusan Skor Min bagi Tahap Kompetensi Pengajaran					
Variabel	N	Minimum	Maksimum	Min	SP
Kompetensi Pengajaran	337	2.31	5	4.00	.470

Berdasarkan Jadual 3.2, secara keseluruhannya, tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu adalah pada julat min yang tinggi iaitu 4.00. Variabel Kompetensi Pengajaran dalam kajian ini menunjukkan nilai $SP < 1.0$.

Analisis statistik inferensi

Hubungan keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru

Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Jadual 3.3: Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Keupayaan Menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Variabel		KOMSAS	Kompetensi Pengajaran
Korelasi Pearson	KOMSAS	Nilai Korelasi	1
		Sig. (2-tailed)	.668**
		N	337
	Kompetensi Pengajaran	Nilai Korelasi	.668**
		Sig. (2-tailed)	1
		N	337

Jadual 3.3 melaporkan terdapat hubungan linear positif yang sederhana antara keupayaan guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu di Sabah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($r = .668^{**}$, $p = 0.00 < 0.05$) antara keupayaan menggunakan KOMSAS dengan Kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Hubungan ini ialah hubungan yang sederhana. Oleh yang demikian, H_0 ditolak.

Hubungan keupayaan menggunakan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru

H_{o2} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keupayaan menggunakan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Jadual 3.4: Keputusan Ujian Korelasi Hubungan Keupayaan Menggunakan i-Think dengan Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu

Variabel		i-Think	Kompetensi Pengajaran
Korelasi Pearson	i-Think	Nilai Korelasi	1
		Sig. (2-tailed)	.183**
		N	337
	Kompetensi Pengajaran	Nilai Korelasi	.183**
		Sig. (2-tailed)	1
		N	337

Jadual 3.4 melaporkan terdapat hubungan linear positif yang sangat lemah antara keupayaan guru menggunakan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu di Sabah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($r = .183^{**}$, $p = 0.01 < 0.05$) antara keupayaan menggunakan i-Think dengan Kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Namun, hubungan ini merupakan hubungan yang sangat lemah. Oleh yang demikian, H_{o2} ditolak.

Pengaruh keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu

H_{o3} : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap Kompetensi Pengajaran guru Bahasa Melayu.

Jadual 3.5 (a): Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.668 ^a	.446	.445	.34998

Jadual 3.5 (b): Anova ^a

Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1 Regression	33.087	1	33.087	270.126	.000 ^b
Residual	41.034	335	.122		
Total	74.121	336			

Jadual 3.5 (c): Coefficients ^a

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Constant)	1.477	.155		9.536	.000
KOMSAS	.656	.040	.668	16.436	.000

Analisis regresi (stepwise) menunjukkan hanya keupayaan menggunakan KOMSAS menjadi peramal bagi skor kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa korelasi variabel bebas dengan variabel bersandar adalah tinggi iaitu Model 1, $r = .668$. Walau bagaimanapun, keputusan analisis ini menolak andaian pengkaji bahawa keupayaan menggunakan i-Think merupakan peramal kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Secara signifikan, Jadual 3.5 (b) dan (c) menunjukkan bahawa, skor keupayaan menggunakan KOMSAS [$F(1,335) = 270.126$, $P < .05$] menyumbang sebanyak 44.6% varians ($R^2 = .446$) dalam skor Kompetensi Pengajaran guru Bahasa Melayu. Hal ini menjelaskan bahawa, keupayaan guru menggunakan Komsas ($\beta = .668$, $P < .05$) iaitu dengan menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran merupakan petunjuk utama membolehkan guru Bahasa Melayu berkompentensi dalam merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran di bilik darjah dengan lebih efektif dan berkesan. Walau bagaimanapun, variabel peramal keupayaan menggunakan i-Think tidak memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran Bahasa Melayu, apabila variabel ini didapati tidak dimasukkan dalam jadual *Model Summary* bagi analisis regrasi ini.

Hubungan ketiga-tiga variabel tersebut boleh dibentuk melalui persamaan linear berikut:

$$Y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \text{Ralat}$$

$$Y = (7.820) + (16.436 X_1) + \text{Ralat}$$

Y ialah Kompetensi Pengajaran, manakala X ialah variabel bebas iaitu keupayaan menggunakan KOMSAS (Model 1) menunjukkan sumbangan keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu di Sabah.

Model kompetensi pengajaran Bahasa Melayu

Jadual 3.6: Estimates of The Measurement Model


Variabel	Konstruk	Analisis Faktor	Cronbach Alpha	CR	AVE
Keupayaan	Strategi Pengajaran	0.885			

menggunakan KOMSAS	Penerapan KBKK	0.798	0.852	0.266	0.690
	Penglibatan Pelajar	0.798			
	Pengurusan Bilik Darjah	0.838			
Keupayaan menggunakan i-Think	Bangunkan Konsep Pembelajaran	0.826	0.901	-0.121	0.502
	Fokus memberi Maklumat	0.679			
	Pelajar dapat disiplin ilmu	0.269			
	Tukar Konsep Pembelajaran	0.891			
Kompetensi Pengajaran Bahasa Melayu	Perancangan	0.912			0.792
	Pelaksanaan	0.900			
	Pentaksiran	0.856			

Dapatan kajian terhadap *outer loading* menunjukkan bahawa konstruk bagi keupayaan menggunakan KOMSAS serta konstruk bagi kompetensi pengajaran adalah sah kerana semua konstruk di atas nilai 0.700. Namun, bagi konstruk keupayaan menggunakan i-Think, konstruk ‘fokus memberi maklumat’ dan ‘pelajar dapat disiplin ilmu’ di bawah nilai 0.700 dan diberi tanda merah iaitu menunjukkan konstruk ini tidak sah bagi keupayaan menggunakan i-Think. Variabel keupayaan menggunakan KOMSAS juga dikatakan merupakan akar kepada pengaruh kompetensi pengajaran Bahasa Melayu kerana nilai akar AVE ini lebih besar daripada nilai variabel ‘latent’.

Jadual 3.7: Path Coefficients

Hubungan Variabel	Original Sample	T Statistic	P. Value
Keupayaan menggunakan KOMSAS -> Kompetensi Pengajaran Bahasa Melayu	0.266	2.628	0.009
Keupayaan menggunakan i-Think -> Kompetensi Pengajaran Bahasa Melayu	-0.121	1.065	0.287



Rajah 3.1: Model Kompetensi Pengajaran Bahasa Melayu

Berdasarkan rajah Model Kompetensi Pengajaran Guru Bahasa Melayu di atas, pengkaji turut melihat hasil model struktural atau *inner model* iaitu nilai pengaruh keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap Kompetensi Pengajaran guru Bahasa Melayu. Model menunjukkan bahawa hanya keupayaan guru menggunakan KOMSAS yang berpengaruh terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Hal ini kerana, data *original sample* dan nilai *T Statistic* daripada *Part Coefficients* yang diperoleh menunjukkan bahawa keupayaan menggunakan KOMSAS (0.280, T=2.922). Hasil dapatan menunjukkan bahawa

variabel keupayaan menggunakan KOMSAS mempunyai hubungan positif dan signifikan terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu iaitu semakin tinggi keupayaan guru menggunakan KOMSAS, maka semakin tinggi kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Namun, bagi variabel keupayaan menggunakan i-Think, data menunjukkan hubungan yang negatif dan tidak signifikan iaitu (-0.115, $T=1.267$) kurang daripada nilai signifikan <1.96 . Justeru, model menunjukkan bahawa i-Think terpaksa digugurkan kerana nilai statistik yang dianalisis tidak mencapai aras signifikan.

Perbincangan

Tahap keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think serta kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu

Tahap keupayaan guru sama ada menggunakan KOMSAS mahupun i-Think berada pada tahap yang tinggi. Keupayaan guru yang tinggi dalam menggunakan KOMSAS, menunjukkan penguasaan kemahiran guru menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran. Guru mahir menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran untuk membantu menyampaikan isi pelajaran sama ada ketika mengajar kemahiran bahasa atau kemahiran berbahasa. Keupayaan guru menggunakan KOMSAS sekali gus membantu guru kepada membina strategi pengajaran yang lebih baik ketika menyediakan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hal ini dapat menggalakkan pembelajaran aktif kerana pengajaran lebih menyeronokkan dan berpusat pelajar. Selari dengan dapatan kajian Iida (2013), bahawa penguasaan kemahiran guru menggunakan KOMSAS berada pada tahap tinggi. Keupayaan tinggi membolehkan guru berupaya menyampaikan pelajaran dan melaksanakan pengajaran dengan strategi dan matlamat berbeza mengikut tahap pelajar.

Hasil dapatan kajian keupayaan guru menggunakan i-Think, secara keseluruhannya, mendapati bahawa keupayaan guru menggunakan i-Think dalam pengajaran Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Keputusan ini menunjukkan bahawa guru semakin berupaya menggunakan i-Think sebagai pendekatan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kursus dan seminar yang memberi pendedahan demi pendedahan, telah membuka minda guru-guru untuk menerokai alat berfikir ini supaya boleh membantu guru memudahkan lagi proses menyampaikan isi pelajaran. Guru tidak harus terus selesa pada tahap sekarang, kerana murid memerlukan corak dan gaya pembelajaran yang lebih baharu dan efektif. Perubahan dan pembangunan konsep pembelajaran yang dibawa oleh lapan peta pemikiran telah membolehkan guru lebih berupaya melaksanakan pendekatan ini dalam proses mengajar. Sejajar kenyataan McIntyre (2002) bahawa i-Think berjaya membawa pengajaran guru kepada satu tahap berbeza, keluar daripada kaedah tradisional dan menjadikan pengajaran guru lebih bervariasi.

Berkenaan dapatan kajian terhadap tahap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu di Sabah, secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa guru sangat berkompentensi dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Jelasnya, guru mempunyai tahap keupayaan dan kemampuan yang tinggi untuk merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran di bilik darjah. Penguasaan kemahiran merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran, telah menunjukkan guru berupaya membina strategi pengajaran bagi menggalakkan pembelajaran aktif, menyediakan pembelajaran yang menyeronokkan dan menerapkan kemahiran berfikir. Guru cenderung mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya lebih kreatif, efektif dan menarik minat belajar pelajar. Selari dengan dapatan kajian Betts *et al.* (2010) bahawa dengan menguasai pengetahuan dan kemahiran, guru dapat menyampaikan isi

pelajaran dengan pedagogi pengajaran sesuai, di samping dapat memilih strategi dan teknik penilaian.

Hubungan keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu

Dapatan kajian terhadap hubungan keupayaan guru menggunakan KOMSAS dengan kompetensi pengajaran yang positif menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran menggunakan bahan pengajaran seperti KOMSAS dalam kajian ini menyokong guru ketika merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan KOMSAS dengan elemen pelbagai genre dan aspek sastera, telah menyediakan kepada guru medium pelbagai strategi dan aktiviti pembelajaran. Maka, penguasaan kemahiran guru terhadap KOMSAS dapat meningkatkan kompetensi guru merancang kandungan dan isi pelajaran bahasa yang hendak disampaikan. Malah, guru dapat meningkatkan kemahiran melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran yang sesuai. Guru juga berkeupayaan menjadikan KOMSAS sebagai medium menyampaikan pengajaran kemahiran bahasa dan berbahasa. Selain itu, penguasaan kemahiran terhadap elemen unsur penceritaan dan asas seni bahasa, turut meningkatkan kompetensi guru menyediakan pengajaran yang menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti permainan bahasa. Selari dengan dapatan kajian Yilmaz *et al.* (2012), bahawa penguasaan kemahiran guru terhadap penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa mempunyai hubungan dengan kebolehan guru mempelbagaikan teknik dan kaedah penyampaian pengajaran serta mampu merangka dan menyediakan aktiviti pengajaran perbincangan dan berfokus kepada penglibatan aktif pelajar.

Manakala, dapatan kajian hubungan keupayaan menggunakan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru, turut menuntut penguasaan kemahiran guru terhadap pendekatan menggunakan alat berfikir semasa mengajar. Guru dilihat lebih berupaya merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Elemen lapan peta pemikiran i-Think, enam titik permulaan i-Think dan lima kualiti peta pemikiran, telah menyedarkan guru tentang hakikat keperluan pendidikan alaf baharu. Guru bukan sahaja berupaya membangunkan konsep pembelajaran pelajar tetapi turut mengubahnya agar seiring dengan keperluan pendidikan semasa. Maka, guru menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih sesuai, efektif dan kreatif. Guru akhirnya lebih berusaha memahami fungsi dan keperluan setiap peta pemikiran dalam menyampaikan pengajaran bahasa. Guru berusaha memahirkan diri untuk lebih bijak menggunakan lapan peta pemikiran agar pemilihan peta sesuai dengan pengajarannya. Jelasnya, peningkatan penguasaan kemahiran guru terhadap penggunaan i-Think turut meningkatkan kemampuan guru merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran agar tidak lagi terus terikat dengan pendekatan konvensional. Hubungan positif ini selari dengan dapatan kajian Estrella (2011), dan Yusri Ibrahim *et al.* (2014), bahawa dengan penguasaan alat berfikir sebagai pendekatan dalam pengajaran, guru akan dapat menyampaikan subtopik perbincangan secara lebih efektif.

Pengaruh keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu

Dapatan ini mengesahkan bahawa, hubungan lemah antara keupayaan menggunakan i-Think dengan kompetensi pengajaran, memberi kesan kurangnya pengaruh faktor peramal keupayaan menggunakan i-Think terhadap kompetensi pengajaran dalam kajian ini. Dengan kata lain, kompetensi pengajaran tidak diukur dengan 'keupayaan menggunakan i-Think' dalam pengajaran guru Bahasa Melayu di sekolah. Namun, kajian mendapati bahawa

kompetensi pengajaran adalah diukur oleh 'keupayaan menggunakan KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Bagi pengkaji, sumbangan besar keupayaan menggunakan KOMSAS terhadap kompetensi pengajaran Bahasa Melayu adalah kerana, berdasarkan sorotan literatur sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa, KOMSAS ialah bahan pengajaran yang dapat menyampaikan pelbagai ilmu bahasa kepada pelajar. Maka, keupayaan menggunakan KOMSAS sebagai bahan pengajaran, lebih diberi perhatian ketika guru merancang, melaksana dan mentaksir pengajaran. Oleh sebab itu, penguasaan kemahiran guru terhadap menggunakan KOMSAS lebih memberi pengaruh besar terhadap keupayaan guru menyampaikan pengajaran. Manakala, penguasaan kemahiran guru menggunakan i-Think hanya landasan yang membantu guru untuk menyampaikan pengajaran menggunakan KOMSAS tersebut. Justeru, perhatian guru semasa mengajar kemahiran bahasa dan berbahasa adalah penggunaan bahan pengajaran. Namun, pengkaji tidak mahu menafikan sumbangan keupayaan menggunakan i-Think terhadap kompetensi pengajaran guru tetap ada walaupun sedikit. Hal ini kerana, kelebihan i-Think telah banyak membantu guru menggabungkan pelbagai strategi pengajaran kepada membantu guru merancang pelbagai aktiviti pengajaran. Keupayaan menggunakan bahan dan pendekatan pengajaran membolehkan guru melaksanakan pengajaran bahasa serta menilai kecekapan pelajar.

Model kompetensi pengajaran Bahasa Melayu

Semasa melakar model kompetensi pengajaran tersebut, variabel i-Think terpaksa digugurkan memandangkan nilai *coefficients* regresi menunjukkan nilai negatif dan tidak signifikan. Model ini bertepatan dengan kajian regresi terhadap kajian pengaruh keupayaan menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap kompetensi pengajaran. Pengkaji menerima model ini, bahawa keupayaan menggunakan i-Think tidak memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan kajian, nilai validiti dimensi 'Fokus memberi maklumat' dan 'Pelajar dapat disiplin ilmu' adalah rendah. Hal ini bermakna, guru Bahasa Melayu kurang menggunakan peta i-Think ketika menyampaikan maklumat dalam pengajaran Bahasa Melayu. Guru juga tidak menggalakkan pelajar menggunakan i-Think untuk memproses maklumat yang diterima daripada guru. Oleh sebab guru kurang berusaha dalam dua dimensi ini, maka telah memberi ketidakseimbangan terhadap nilai korelasi pada konstruk tersebut. Ketidak seimbangan ini yang menjadi faktor kepada nilai pengaruh variabel keupayaan menggunakan i-Think terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, keupayaan menggunakan i-Think boleh memberi pengaruh terhadap kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu, jika guru benar-benar menguasai kemahiran menggunakan kelapan-lapan peta pemikiran i-Think secara optimum dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.

Walau bagaimanapun, pengaruh paling besar terhadap kompetensi pengajaran Bahasa Melayu ialah variabel keupayaan menggunakan KOMSAS. Pengaruh besar ini kerana keperluan dalam amalan pengajaran berkesan guru Bahasa Melayu sangat menekankan pelaksanaan bahan pengajaran. Justeru, pengaruh keupayaan menggunakan KOMSAS yang besar ini, perlu diberi perhatian dan penekanan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Namun, pengkaji tetap akur dengan keperluan keupayaan menggunakan i-Think sebagai meningkatkan tahap kompetensi pengajaran adalah tidak diterima. Pengkaji membuat jangkaan bahawa ada faktor lain lebih penting kepada meningkatkan kompetensi pengajaran guru di dalam bilik darjah.

Cadangan

Antara cadangan pengkaji termasuklah, guru hendaklah membangunkan KOMSAS sebagai bahan pengajaran Bahasa Melayu secara holistik. Maksudnya, guru tidak menjadikan KOMSAS sebagai bahan pengajaran yang hanya untuk menyampaikan kandungan bahan sastera itu semata-mata, tetapi turut mengintegrasikan bahan sastera dalam pengajarannya dengan pelbagai ilmu dan kemahiran agar lebih mengembangkan potensi kemahiran bahasa dan berbahasa pelajarnya. Sementara itu, bagi membolehkan guru dapat memastikan pelajar fokus dengan bahan pengajaran serta aktif dalam perbincangan bilik darjah, guru harus membangunkan pendekatan pengajaran menggunakan alat berfikir secara holistik. Hal ini kerana, guru bukan sahaja akan dapat menggalakkan pelajar merekod maklumat yang diterima, tetapi juga dapat memastikan penglibatan aktif pelajar ketika berbincang, berdebat dan bertukar pendapat dalam segala hal tentang kandungan pelajaran. Sekali gus, dapat membangunkan interaksi guru dan pelajar.

Guru hendaklah membangunkan modul pengajaran Bahasa Melayu secara holistik pada peringkat sekolah menengah. Modul pengajaran Bahasa Melayu ini penting kepada lebih memudahkan pengajaran guru Bahasa Melayu dalam bilik darjah kerana dengan menggunakan modul, guru lebih jelas dan yakin menggunakan bahan dan pendekatan pengajaran ketika menyampaikan kandungan pelajaran kemahiran bahasa dan berbahasa. Selain itu, guru juga perlu menghidupkan persekitaran kelas yang ceria, menyeronokkan, bermotivasi dan merangsang pembelajaran pelajar. Persekitaran pembelajaran yang dapat menarik perhatian pelajar untuk belajar, akan dapat memastikan keberkesanan dan keupayaan strategi pengajaran guru Bahasa Melayu.

Penutup

Ringkasnya, kajian adalah melihat impak keupayaan guru Bahasa Melayu menggunakan KOMSAS dan i-Think terhadap kompetensi pengajaran guru di bilik darjah. Keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think diberi perhatian kerana kelebihan dan kepentingan KOMSAS dan i-Think tersebut sebagai bahan dan pendekatan dalam pengajaran. Terutamanya ketika membina strategi pengajaran bagi memastikan pengajaran guru lebih berpusat pelajar, mampu memberi motivasi dan menerapkan kemahiran berfikir. Keputusan kajian menunjukkan hasil yang diharapkan, bahawa terdapat hubungan signifikan antara keupayaan guru menggunakan KOMSAS dan i-Think dengan kompetensi pengajaran guru Bahasa Melayu. Namun, keupayaan menggunakan i-Think tidak memberi pengaruh kerana hubungan yang sangat lemah dengan kompetensi pengajaran guru. Justeru, pihak kementerian harus menyediakan lebih banyak kursus dan seminar berkenaan penggunaan i-Think dalam pengajaran.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rasid Jamian. 2010. *Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan murid Cina*. Selangor: UPM.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman dan Norzila Md Yusof. 2011. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 1, Bil. 2, Nov: 45-57.
- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Humaizah Hashim. 2012. *Persepsi Guru terhadap Penggunaan Kartun dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 2, Bil. 1:129-140.

- Abdul Rasid Jamian. 2016. *Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Bukan Melayu*. 445-465 <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/02/1-Pengajaran-dan-Pembelajaran-Bahasa-Melayu.pdf>
- Abu Bakar Nordin. 2013. *Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. Bil.1. Isu 1: 10-18.
- Agustin, R. T. 2012. *Literature in The Foreign Language Syllabus: Engaging The Student Through Active Learning Literature in The Foreign Language*. Page 9-16.
- Baiziela Sapongi. 2009. *Penggunaan Peta Minda dan Kata Tanya dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Karangan Jenis Fakta Bahasa Melayu Murid Tahun 4*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP Bahasa Melayu Ambilan Januari. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG, 1-14.
- Betts, P., dan Frost, L. 2010. *Subject Knowledge and Teacher Preparation*. Education Canada, Vol. 40(1), 38-39.
- Buckner, J. 2011. *Write From The Beginning and Beyond : Response to Literature*. Thinking Maps, Incorporated.
- Canbolat, N. 2013. *Investigating ELT Instructors' Perceived Competencies: Challenges and Suggestions*. Turkey: MIDDLE East Technical University.
- Cevdet, Y. 2012. *Introducing Literature To An EFL Classroom: Teachers Instructional Methods and Students' Attitudes Toward The Study of Literature*. English Language Teaching: Canadian Center of Science and Education, Vol.5, No. 1, 86-99.
- Chemot, A. U. 2009. *The CALLA Handbook: Implementing The Cognitive Academic Language Learning Approach*. White Plains, NX: Pearson Education Inc.
- Cooks, J. dan Sunseri, A. 2014. *Leveling The Playing Field: The Efficacy OF Thinking Maps On English Language Learners Students Writing*. The CATESOL Journal 25.1: 24-40.
- David A. Sousa. (2007). *How the Special Needs Brain Learns Facilitator's Guide*. Paper prepared for Regional Educational Laboratory Midwest Summit on Connecting Teaching and Leading. Corwin Press: Washington, D.C.
- Estrella, L. 2011. *The Effect of A Cognitive Model, Thinking Maps On The Academic Language Development of English Language Learners*. Educational Doctoral, Paper 55.
- Ghosn, I. K. 2002. *Four Good Reasons to Use Literature in The Primary School ELT*. English Language Teaching Journal, 56: 172-179.
- Hassan Baseri. 2012. *Memantapkan Pengajaran Bahasa Melayu*. Pelita Bahasa, DBP. April 3: 179.
- Hyerle, D. 2011. *Student Success with Thinking Maps*. Second Edition. Thousand Oaks: Corwin Press.
- Iida, A. 2013. *Critical Review of Literary Reading and Writing in a Second Language*. The Journal of Literature in Language Teaching, Vol.2, May: 5-10.
- Ishak Ramly. 2005. *Inilah Kurikulum Sekolah*. TS Profesional.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Instrumen Penilaian Kompetensi Kumpulan Pengajaran dan Pembelajaran (Guru Akademik)*. Putrajaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya.
- Khatib, M., Rezaei, S. dan Derakhshan, A. 2011. *Literature in EFL/ESL Classroom*. English Language Teaching Vol. 4: 201-208.
- Krejcie, R. V. and Morgan, D. W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30: 607-610.
- Laura A. W. 2011. *The Effect of Thinking Maps on Students' Higher Order Thinking Skills*. California State University & Northridge University: US.

- Lee Tou Yew dan Gan We Ling. 2012. *Penggunaan Peta Pemikiran i-Think dalam PdP*. Kertas Kerja dibentangkan di Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2012, Oktober. Bukit Gambang Resort.
- McIntyre, J. 2002. *Teachers Make The Utmost of McAuliffe Funds*. AK-USA Teacher First Team.
- Melanie, H. B. 1998. *The Effect of Thinking Maps on Reading Retention*. Catawba College.
- Mills, N.A. 2011. *Teachers' Self-Efficacy Beliefs Questionnaire: Literature, Sources, Personal Assessments, and Consequences*. The Modern Language Journal, 95: 61-80.
- Muhd Sidek dan Abdul Rahim. 2012. *Transformasi PdP Inovatif Melalui 'Thinking Maps'*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa Malaysia-Indonesia (Malindo), Okt, 4-6. IPGKIK: Kuala Lumpur.
- Muhd Sidek, Mohamad Ab. Kadir dan Mohamad Sabri. 2013. *Penilaian Pelaksanaan Program i-Think: Satu Pengenalan*. Dimuat turun melalui [88.198.249.35/preview/04PftAT2uuqT2slh2EcggqGB5RVWYUQqeygVUIRK2E/PENILAIAN-PELAKSANAAN-PROGRAM-I-THINK-SATU.html?query=soalan kemahiran-berfikir-aras-tinggi](http://88.198.249.35/preview/04PftAT2uuqT2slh2EcggqGB5RVWYUQqeygVUIRK2E/PENILAIAN-PELAKSANAAN-PROGRAM-I-THINK-SATU.html?query=soalan%20kemahiran-berfikir-aras-tinggi).
- Muliana Tanah. 2011. *Pendekatan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah di Zon Lahad Datu*. Sintok: UUM.
- Murat, H. 2005. *Teaching English Through Literature*. Journal of Language and Linguistic Studies. Vol. 1. No. 1: 53-66.
- Rajendran, N. S. 2008. *Teaching and Acquiring Higher-Order Thinking Skill: Theory and Practice*. UPSI: Tanjung Malim.
- Rohaida Yusop dan Zamri Mahamod. 2015. *Keberkesanan Peta Pemikiran (i-Think) dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol. 5, Bil. 2: 31-37.
- Rozita Radhiah dan Abdul Rashid Jamian. 2012. *Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang dalam Bilik Darjah: Kajian Kes Pelbagai Lokasi*. Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 27: 51-68.
- Schmoker, M. 2011. *Focus: Elevating The Essentials To Radically Improve Student Learning*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis dan Aliza Ali. 2012. *Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Vol. 2, Bil. 2 (Nov), 19-31.
- Soheil Rahimi. 2014. *The Use of Literature in EFL Classess*. Journal of Academic and Applied Studies (Special Issue on Applied Sciences), Vol. 4(6), Jun 2014:1-12.
- Sri Murniati dan Al-Mustaqeem. 2011. *Reformasi Pendidikan II: Meninjau Peranan Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Pembangunan Pemikiran Pelajar*. Institut Kajian Dasar: Selangor.
- Suzie, C. B. 2012. *Teaching Primary English Through Drama: A Practical and Creative Approach: 2nd Ed*. London & New York: Routledge.
- Tengku Fairus Tengku Hassan (2015). *Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu dalam Menerapkan Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: UKM.
- Trigwell, K., dan Prosser, M. 2004. *Development and Use of The Approaches to Teaching Inventory*. Educational Psychology Review, 16, 409-425.

- Tschannen-Moran, M & Gareis, C. R. 2004. *Principles's Sense of Efficacy: Assesing a Promising Construct*. Journal of Educational Administration. 42(5), 573- 585.
- Van, T. M. T. 2009. The Relevance of Literary Analysis to Teaching Literature in The EFL Classroom. English Teaching Forum, Vol. 47, No. 3, 2-9.
- Waters, B. 2007. *Thinking Maps: Tools for Learning*. Presentation for McMurray Middle School.
- Yahya Othman dan Azmey Hj. Othman. 2012. *Keberkesanan Penggunaan Peta Minda dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Argumentatif di sebuah Sekolah Menengah Arab di Negara Brunei Darussalam*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 101.2. Bil. 2; 32-45.
- Yilmaz, C. 2012. *Introducing Literature to an EFL Classroom: Teachers's Instructional Methods and Students' Attitudes Toward The Study of Literature*. English Language Teaching. Canadian Center of Science and Education, Vol 5, No. 1: 86-99.
- Yusri Ibrahim dan Aziz Amin. 2014. *Model Kepimpinan Pengajaran Pengetua dan Kompetensi Pengajaran Guru*. Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik Bil.2, Isu 1: 11-25.
- Zamri Mahamod dan Magdeline anak Nor. 2012. *Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban*. GEMA Online Journal of Language Studies, Vol. 12 (2): 593-608.
- Zuraini Jusoh, Fadzilah Abd Rahman, Norazlina Mohd Kiram dan Samsilah Roslan. 2013. *Kajian Kes Aplikasi Naratif dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Journal of Human Capital Development. Vol. 6, No.1: 87-100.